

Headline	MENGURUS KEKANGAN BAJET		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	485 cm ²
AdValue	RM 9,586	PR Value	RM 28,757



MENGURUS KEKANGAN BAJET



TIADA apa yang lebih penting di saat menanti hujung tahun berakhir kalau bukan kerana memikirkan kekangan bajet. Ramai yang menghadapi kekangan bajet terutamanya yang berpendapatan rendah. Malah, yang berpendapatan sederhana pun berhadapan dengan kekusutan memikirkan bagaimana untuk memastikan wang mencukupi di penghujung tahun. Kesannya lebih parah apabila kenaikan harga barangan dan perkhidmatan seolah-olah tidak terkawal.

Di saat inilah wang amat diperlukan untuk membayar serba-serbi terutamanya perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak. Bahkan, tidak keterlaluan dikatakan perbelanjaan untuk itu lebih tinggi berbanding perbelanjaan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dahulu, ketika kecil segala perbelanjaan persekolahan kita ditanggung oleh ibu bapa, kini masanya untuk kita pula menanggung perbelanjaan anak-anak. Terfikir juga bagaimana ibu bapa dahulu boleh menanggung kita meskipun memiliki anak yang ramai. Tidak pula terdengar rungutan mahupun keluhan tidak cukup wang untuk dibelanjakan. Semuanya diusahakan untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna.

Mungkin ada yang cuba berhujah dahulu kos sara hidup tidak terlalu tinggi. Ya, memang benar. Beli segelas air teh tidak pun beberapa sen sahaja. Dahulu, tiada bil-bil gaya hidup seperti bil telefon bimbit, televisyen berbayar dan bil internet. Ketiga-tiga ini sudah menjadi keperluan dan tidak lagi menjadi kehendak. Jadi, wajib masuk dalam bajet bulanan.

Namun, adakah semua ini

boleh merasionalisasikan kenapa pendapatan bulanan masih tidak

mencukupi meskipun suami isteri bekerja? Dahulu, rata-rata bapa yang menanggung keluarga sendiri dengan berpendapatan tidak seberapa. Wanita dahulu kebanyakannya menjadi suri rumah. Hakikatnya, mereka masih boleh mengurus anak-anak termasuklah dalam soal pendidikan sehingga anak-anak mereka berjaya menjadi orang berguna dan bekerja hebat.

Sebab itulah tatkala ramai mengeluh dengan kos sara hidup yang tinggi, ramai juga terlupa bagaimana ibu bapa mereka menanggung mereka sekeluarga semasa kecil dahulu. Banyak yang boleh kita belajar daripada mereka bagaimana mengurus wang meskipun mengalami kekangan bajet. Meskipun mereka tidak berpendidikan tinggi, namun masih mampu mengurus wang dengan baik.

Dalam hal ini, tidak bermakna ketika kos sara hidup tinggi, kita tidak boleh berbuat sesuatu untuk memastikan kehidupan masing-masing berjalan seperti biasa. Malah, pelabur institusi yang hebat seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) pun menghadapi cabaran yang sama. Namun, masih boleh mengumumkan dividen yang baik kepada pelaburnya melalui Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang telah diumumkan baru-baru ini. Malah, PNB mengorak langkah yang proaktif sekali untuk tidak menolak kemungkinan mengambil tindakan untuk menggabungkan unit minyak dan gas, UMW. Ini adalah strategi dalam mengharungi harga minyak yang rendah.

Kita juga sedia maklum bagaimana syarikat petroleum kebanggaan negara, Petronas mengambil langkah mengurangkan pengeluaran sebanyak tiga peratus bagi memastikan harga minyak lebih stabil. Ini sekali gus mengikut langkah Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC untuk mengu-

rangkan pengeluaran minyak bagi memastikan harga minyak kembali tinggi. Melalui cara ini, tiada lagi lambakan pengeluaran minyak sehingga harga minyak berada pada tahap yang rendah. Isu harga minyak yang rendah telah membelenggu ekonomi global termasuklah negara kita yang terkena tempiasnya sehingga kerajaan mengambil tindakan yang sama untuk mengurus kewangan secara berhemah demi untuk memastikan setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan baik.

Ini bermaksud cabaran yang berlaku boleh membuka ruang kepada sesiapa sahaja tidak kira negara, organisasi, syarikat malah setiap individu mengurus kewangan tatkala berhadapan dengan kekangan bajet. Mungkin ramai yang sudah lali mendengar kaedah mengurus kewangan dengan baik yang dari segi amalannya bukanlah mudah kerana realitinya begitu banyak perbelanjaan yang perlu ditanggung.

Mungkin ada antara kita yang tidak menyedari rata-rata masyarakat kini dipengaruhi oleh gaya hidup mewah yang boleh menyumbang kepada perbelanjaan yang tinggi.

Ada yang tidak sanggup lagi makan di gerai-gerai tepi jalan semata-mata ingin menjaga status walhal pendapatan yang ada pun tidak seberapa. Tidak kurang juga ada yang sanggup membeli telefon bimbit terkini yang begitu mahal semata-mata menunjukkan dirinya mampu walhal setiap bulan gaji bulanan tidak mencukupi.

Di sini usahlah setakat bercakap mengenai ketirisan wang rakyat sahaja tetapi juga "ketirisan" wang sendiri dalam mengurus kewangan peribadi. Sudah tentulah kita tidak memiliki jabatan audit mahupun juruaudit luar untuk mengaudit kewangan peribadi sebagaimana kerajaan namun, ini tidak bermaksud kita tidak boleh "mengaudit" wang sendiri agar setiap sen pendapatan digunakan sebaik mungkin

Headline	MENGURUS KEKANGAN BAJET		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	485 cm ²
AdValue	RM 9,586	PR Value	RM 28,757

demi kegunaan keluarga.

Usahlah terlibat dengan hutang yang tidak perlu sehingga mendingankan kemudaratan kemudian hari. Dibimbangi boleh menyesakkan pemikiran sehingga memberi tekanan mental. Mengikut kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015, Kementerian Kesihatan, hutang antara punca

satu daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah mental.

Walau apa pun faktornya, hutang perlu diurus dengan baik dan ia sewajarnya bermula dengan mengurus kekangan bajet. Ibu bapa kita dahulu telah memberi contoh terbaik bagaimana mengurus kewangan semasa mengalami kekangan bajet. Tepuk

dada tanya selera bagaimana kita pula mengamalkannya dan sekaligus menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak.

DR. ROHAMI SHAFIE ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM).



WAN MOHD. WIRA SALWANI WAN DIN memilih pakaian sekolah anak-anaknya di sebuah kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman, pada 24 Disember lalu . - GAMBAR HIASAN/UTUSAN